



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

(JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA)

Peti Surat 7200, Tkt 2 (Lif A), Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,
40706 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

TEL: 03-5510 5133 samb. 1440 FAX: 03-5513 8511

E-MAIL: penilaian@mbsa.gov.my LAMAN WEB: www.mbsa.gov.my

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Kepada : _____ Ruj Kami : MBSA/PPH/BP/600-1/2 ()

Ruj Tuan : _____

Tarikh : _____

Tuan/Puan,

KENYATAAN TUKAR NAMA BAGI HARTA YANG DICUKAI

Alamat Harta : _____

Sukacita sekiranya tuan/puan sebagai pemilik harta yang tersebut di atas pada masa ini, mengisi borang di sebelah seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang kandungannya di antara lain bermaksud seperti berikut :

“160.(1) Apabila sebarang harta yang dicukai dalam kawasan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dijual atau ditukar nama adalah menjadi tanggungan pembeli/penjual atau yang menerima tukaran memberitahu dengan bertulis kepada **Pihak Berkuasa dalam tempoh 3 bulan** dari tarikh harta itu dijual atau ditukar nama mengikut dalam **Borang I**.

(2) Apabila pemilik harta yang dicukai dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan mati adalah menjadi tanggungan orang yang menjadi pemilik secara warisan ataupun sebaliknya, memberitahu dengan bertulis kepada **Pihak Berkuasa dalam tempoh satu tahun** setelah arwah itu mati mengikut dalam **Borang J**.

(3) Setelah menerima penyata seperti itu Pihak Berkuasa Tempatan mungkin memerlukan bukti-bukti berhubung dengan penukaran hakmilik ataupun salinan yang sah penyata tersebut.

(4) **Tiap-tiap orang yang menjual atau menukar milik sebarang harta yang dicukai dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah menjadi tanggungannya untuk menjelaskan semua cukai-cukai yang dikenakan berhubung dengan harta tersebut dan juga menyempurnakan semua kehendak undang-undang ini atau sebarang undang-undang kecil kepada pihak pemilik harta yang seperti itu dikenakan cukai atau akan dijalankan pada bila-bila masa sebelum notis penukaran sedemikian diserahkan atau sehingga penjualan atau penukaran telah didaftarkan di dalam buku Pihak Berkuasa Tempatan.**

(5) Tidak ada apa-apa disini akan menjejaskan tanggungan pembeli atau yang menerima tukaran untuk membayar cukai berhubung dengan harta tersebut atau menyempurnakan syarat-syarat yang telah disebutkan atau menjejaskan hak Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapat balik cukai itu atau memaksakan syarat-syarat itu mengikut undang-undang ini bahawa cukai itu boleh dikenakan atau kehendak itu boleh dikenakan sebelum notis penjualan atau penukaran didaftarkan /direkodkan.

(6) Sesiapa yang gagal memberikan kenyataan yang dikehendaki dibawah Seksyen ini **boleh didenda tidak lebih dari Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00) atau dipenjarakan tidak lebih dari enam bulat atau kedua-duanya sekali.”**

2. Borang-borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam di alamat di atas. Tindakan pertukaran nama tidak akan diambil selagi Borang I / J ini tidak diterima oleh pejabat ini. Sila lampirkan Salinan Surat Hakmilik (Geran)/Salinan Surat Perjanjian Jual Beli yang lengkap. Bayaran Notifikasi RM50.00 akan dikenakan kepada pemilik/penjual/wakil. Bayaran boleh dibuat secara tunai / cek/ wang pos atas nama MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM.

3. Sekiranya tuan/puan memerlukan sebarang bantuan untuk mengisi borang ini, sila telefon no. 03-5510 5133 samb.1440 / 1441/ atau 1444. No. Faks : 03-5513 8511.

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA***

Saya yang menurut perintah,

(ROSLAN BIN MUSA)

Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta,
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta,
b.p Datuk Bandar.